



**UCAPAN ALUAN
YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
SEMPENA
HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN) 2019
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**3 DISEMBER 2019
PUSAT KONVENSYEN TM
KUALA LUMPUR**

SALUTASI (Diberikan sewaktu majlis)

PENGENALAN

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku,

1. Terlebih dahulu saya amat berbesar hati diberi peluang untuk bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019 pada pagi ini. Pada tahun ini JKR Malaysia telah diberikan tanggungjawab selaku penyelaras utama dalam menjayakan penganjuran program Hari Profesion Teknikal Negara bagi tahun 2019 yang bertempat di Pusat Konvensyen TM.
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad kerana telah memberi sokongan dan sudi merasmikan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019.
3. Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini di antaranya rakan-rakan strategic seperti TM One, Jabatan dan Agensi di bawah KKR termasuk JKR, CIDB dan LLM. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan media yang hadir membuat liputan mengenai HPTN, para pempamer dan hadirin sekalian.

LATAR BELAKANG HPTN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Untuk perkongsian bersama, idea untuk mewujudkan Hari Profesion Teknikal Negara dipelopori oleh JKR seawal tahun 2012 bagi menghargai sumbangan dan pengiktirafan kepada para profesional teknikal di Malaysia.
5. Hasil idea tersebut, akhirnya pada Oktober 2018, Kerajaan telah bersetuju dan mengisytiharkan Hari Profesion Teknikal Negara pada hari Sabtu pertama bulan Disember setiap tahun.
6. Menerusi pengisytiharan ini secara tidak langsung adalah tanda penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan kepada profesion teknikal di negara kita. Untuk makluman semua, tahun ini adalah titik sejarah permulaan HPTN dianjurkan secara peringkat nasional buat pertama kalinya.

OBJEKTIF HPTN

7. Objektif utama HPTN ini adalah:
 - i) Menghargai jasa para profesion teknikal atas sumbangan mereka terhadap kemajuan infrastruktur dan permodenan negara;
 - ii) Menjadi platform bagi Profesion Teknikal menyuarakan pandangan dan idea-idea bernas berkaitan bidang teknikal; dan

- iii) Mempromosi profesion teknikal dengan menerapkan elemen bidang teknikal dalam kalangan generasi muda.

TEMA “PROFESION BIDANG TEKNIKAL TERAS KEMAKMURAN BERSAMA”

Hadirin sekalian,

8. Pada 5 Oktober 2019, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan dasar baharu kerajaan iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang merupakan kesinambungan wawasan yang terdahulu. Salah satu elemen yang amat penting untuk menjayakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ialah keupayaan negara menghasilkan profesion teknikal yang terdiri daripada pelbagai disiplin dan bidang.
9. Justeru, pemilihan tema HPTN bagi 2019, Profesion Bidang Teknikal Teras Kemakmuran Bersama adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan ke arah mencapai wawasan tersebut.
10. Kejayaan sesebuah negara tidak dapat dicapai tanpa sumber tenaga kerja yang kompetitif, mempunyai kepakaran dan keupayaan terkini. Saya percaya dan yakin Kerajaan akan terus berusaha menyediakan insentif kepada rakyat dalam aspek menaik taraf kemahiran bagi mencapai produktiviti yang lebih baik dan meningkatkan kebolehpasaran untuk tahap kerjaya dan pendapatan rakyat.
11. Tenaga kerja yang didorong oleh teknologi sebenarnya boleh membantu memacu pertumbuhan ekonomi secara global dalam tempoh lima (5) hingga sepuluh tahun (10) akan datang. Justeru itu,

kita harus memastikan penggunaan teknologi berasaskan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan memperkasakan keupayaan K-Ekonomi dalam kalangan rakyat supaya pembangunan negara akan dapat dipacu dengan lebih pesat lagi.

12. Modenisasi sektor pembangunan fizikal, kesejahteraan kesihatan dan kecemerlangan modal insan menjadi aspirasi pewujudan negara bangsa. Oleh yang demikian, peranan Profesion Teknikal dalam memodenkan sektor pembangunan yang mampan adalah amat penting dan tidak dapat disangkal.
13. Namun, persoalan yang sentiasa menjadi tumpuan adalah dalam aspek memartabatkan Profesion Teknikal di Malaysia, agar duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan profesion lain seperti bidang kedoktoran dan perguruan yang sentiasa mendapat perhatian masyarakat. Berdasarkan konteks tersebut, profesion teknikal perlu diberi nafas baharu sama ada di sektor awam atau swasta dan bukan sekadar hanya berasaskan pengiktirafan profesional semata-mata.

OUTLINE ATURCARA

Hadirin yang saya muliakan,

14. Pelbagai program telah dirancang dan disusun sepanjang berlangsungnya Hari Profesion Teknikal Negara 2019 yang diadakan selama dua (2) hari mulai hari ini. Antara program yang akan diadakan ialah empat belas (14) sesi pembentangan kertas kerja serta perkongsian pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang meliputi pelbagai skop akademik dan teknikal oleh panel penceramah yang dijemput khas.

15. Manakala pengisian aktiviti – aktiviti lain adalah seperti pertandingan futsal, E-Sport, pertandingan Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM), majlis pelancaran produk, majlis tandatangan MOA & MOU dan pelbagai lagi.
16. Untuk makluman semua, sebanyak empat puluh satu (41) reruai pameran teknikal daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta turut hadir mempamerkan pelbagai informasi berkaitan bidang teknikal dan industri kejuruteraan.
17. Oleh yang demikian, saya sangat mengalu-alukan hadirin sekalian untuk melawat kesemua reruai pameran dan menyertai kesemua aktiviti serta program yang telah dirancang sepanjang program ini berlangsung.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

18. Akhir kata, saya menyeru semua yang hadir pada hari ini agar mengambil peluang untuk menyelami, menghayati ilmu-ilmu berkaitan teknikal yang akan dikongsi sepanjang berlangsungnya program ini. Semoga untuk tahun-tahun yang akan datang, sambutan Hari Profesion Teknikal Negara ini dapat diteruskan sambutannya di peringkat agensi mahupun organisasi masing-masing sebagai tanda penghargaan yang berterusan kepada profesion teknikal atas sumbangan dan melakar landskap pembangunan dan kelangsungan daya saing negara.
19. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur iaitu Kementerian Kerja Raya, JKR Malaysia, TM One, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Pertubuhan Profesional JKR

Malaysia (ProJKRM) atas kolaborasi erat dalam penganjuran program ini. Terima kasih juga kepada semua pempamer yang mengambil bahagian pada tahun ini terutamanya pempamer platinum iaitu CIDB, MAXIS, ACSON, PETRONAS dan MMC-GAMUDA serta kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan HPTN 2019.

Sekian, terima kasih.